

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[ TANAH MERAH ]**

**TARIKH : 23.11.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyakkah sekolah, asrama dan rumah di kawasan luar bandar dirancang untuk dibina dalam tempoh beberapa tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Kementerian Pendidikan Malaysia telah merancang projek pembinaan sekolah rendah, sekolah menengah, asrama harian dan rumah guru baharu mengikut keperluan kawasan setempat. Bilangan projek baharu yang dirancang melibatkan 215 sekolah rendah, 250 sekolah menengah, 57 asrama harian dan 69 rumah guru. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.